

## **Penerimaan Penduduk Sekitar Terhadap Pembangunan Borneo Samariang Resort Water Theme Park**

### **(Residents' Acceptance of the Development of Borneo Samariang Resort Water Theme Park)**

Shaik Azahar Shaik Hussain<sup>1</sup>, Mohd Irfan Hazrain Kamuruddin<sup>2\*</sup>,  
Hendryson Francisco Anna<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Jln Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: [shazahar@unimas.my](mailto:shazahar@unimas.my)

<sup>2</sup>Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Jln Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: [mohdirfanhazrain@gmail.com](mailto:mohdirfanhazrain@gmail.com)

<sup>3</sup>Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Jln Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Email: [sonrieyson@gmail.com](mailto:sonrieyson@gmail.com)

#### **ABSTRAK**

Taman Tema Air Borneo Samariang merupakan taman tema air yang pertama diwujudkan di kepulauan Borneo yang terletak di Sarawak. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui penerimaan penduduk Samariang terhadap penubuhan taman tema Borneo Samariang serta reaksi kedatangan penduduk Samariang terhadap taman tema tersebut. Seterusnya, menganalisis kesan penubuhan taman tema ini terhadap persekitaran Bandar Samariang. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam mendapatkan data dan maklumat sepanjang menjalankan kajian. Hasil kajian mendapat bahawa penduduk Samariang menerima pembaharuan yang telah dibawa ke kawasan kediaman mereka.

#### **ABSTRACT**

Borneo Samariang Water Theme Park is the first water theme park to be established on the Borneo Islands located in Sarawak. This study was conducted to find out the Samariang residents' acceptance of the establishment of the Borneo Samariang theme park as well as the reaction of the Samariang residents to the theme park. Next, analyze the impact of setting up this theme park on the Samariang City environment. This study uses quantitative methods in obtaining data and information throughout the study. The results show that Samariang residents are accepting the reforms that have been brought to their residential areas.

#### **CORRESPONDING**

#### **AUTHOR (\*):**

Mohd Irfan Hazrain  
Kamuruddin  
(mohdirfanhazrain@gmail.com)

#### **KATA KUNCI:**

Taman Tema Air  
Penerimaan  
Pembangunan  
Tarikan

#### **KEYWORDS:**

Water Theme Park  
Acceptance  
Development  
Attraction

#### **CITATION:**

Shaik Azahar Shaik Hussain, Mohd Irfan Hazrain Kamuruddin, & Hendryson Francisco Anna. (2022). Penerimaan Penduduk Sekitar Terhadap Pembangunan Borneo Samariang Resort Water Theme Park. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001344.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1344>

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai pembangunan taman tema dan juga kesan pelancongan terhadap taman tema tersebut.

Sumbangan utama kajian ini mendapati bahawa penerimaan masyarakat Samariang menunjukkan kesan positif terhadap pembangunan Borneo Samariang Water Theme Park.

## 1. Pengenalan

[Mark \(1981\)](#), menyatakan aktiviti rekreasi bukanlah sesuatu perkara yang baharu sahaja diwujudkan dalam kehidupan sosial manusia. Aktiviti seperti ini, merupakan langkah yang terbaik untuk setiap individu mengisi masa lapang mereka dari segi menghilangkan ketegangan selepas waktu bekerja, dengan cara mengambil pendekatan melakukan aktiviti yang membawa kepada situasi yang merehatkan dan pemulihan tenaga. Faktor seperti masa, cita rasa serta kepuasan hasil daripada aktiviti rekreasi sudah pasti memberi ruang kepada individu untuk memilih corak rekreasi yang mereka inginkan bagi memenuhi masa lapang setelah selesai tugas sehari-hari yang sememangnya memenatkan individu tersebut.

[Kyriazi \(1976\)](#), pada tahun 1800 iaitu ketika zaman peralihan, taman tema dikenali sebagai salah satu hiburan di taman pada waktu hujung minggu, mendengar muzik, berkelah dan minum minuman yang beralkohol seperti bir atau minuman jenis berkarbonat. Seiringan dengan perkembangan teknologi serta dunia digital, taman tema semakin berkembang sehingga berjaya mencuri tumpuan syarikat taman tema yang lain untuk dibangunkan di setiap negara sebagai satu tarikan baharu di pusat hiburan dan pada masa yang sama sebagai instrumen pemantapan ekonomipelancongan negara. Pada masa yang sama, penerimaan masyarakat terhadap pembangunan taman tema juga menunjukkan kesan yang positif seperti fenomena yang berlaku di Malaysia. Buktinya, terdapat taman tema pertama yang dibuka pada tahun 1975 iaitu taman tema *Mimaland* di Gombak, Selangor namun dalam tempoh beberapa tahun kewujudannya berlaku kecuaian yang mendorong kepada kegagalan taman tema ini untuk diteruskan. Menurut [Arkib Negara \(1971\)](#), perkara ini berpunca daripada kegagalan aspek keselamatan ketika proses penjagaannya lalu menyumbang kepada taman tema tersebut akhirnya ditutup serta-merta. Kejadian ini berlaku disebabkan faktor kegagalan pihak pemaju dalam mematuhi Garis Panduan Taman Tema Malaysia yang telah ditetapkan untuk kebaikan operasi mereka.

Pengkaji yakin dengan mengetahui penerimaan penduduk sekitar terhadap pembangunan Borneo Samariang Resort Water Theme Park, kita mampu menambahbaikkan dan mengembangkan industri pelancongan yang berbentuk taman tema air di Malaysia. Oleh itu, pengkaji memilih Borneo Samariang sebagai tumpuan utama lokasi kajian seiring dengan faktor bandar ini sedang membangun di Sarawak yang mempunyai kekuatan dalam dijadikan tumpuan masyarakat dan syarikat-syarikat pemaju.

### 1.1. Objektif Kajian

- i. Untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung ke taman tema Borneo Samariang.
- ii. Untuk mengkaji penerimaan penduduk Samariang selepas pembukaan taman tema Borneo Samariang.
- iii. Untuk menganalisis kesan taman tema Borneo Samariang ke atas persekitaran Bandar Samariang.